

21/03/2003

Memancing sebenarnya tidak berfaedah

PADA hari Selasa, 4 Mac lalu, umat Islam di seluruh dunia menyambut kedatangan tahun baru kalender Islam dengan semangat dan harapan baru. Dari segi sejarah, tarikh keramat ini, yang berlaku genap 1,424 tahun lalu

(menurut) kalender Islam) membawa pengertian besar dalam perjuangan dan perkembangan agama Islam di muka bumi ini.

Maka, seperti juga tarikh 1 Januari (tahun baru bagi kalendar Kristian)

yang menjadi cuti umum, 1 Muharam lalu adalah juga hari cuti umum di negara ini. Maka, bermula malam Isnin hinggalah ke hari Selasa, pelbagai kegiatan yang berbentuk keagamaan seperti forum agama, solat hajat, doa selamat dan bacaan Yassin diadakan di kebanyakan masjid dan surau di negara ini.

Sally bangkitkan perkara ini bukan bertujuan apa, tetapi kerana Sally mendapat tahu bahawa ramai sahabat-sahabat kita (terutama kerabat kaki pancing) yang sudah menyeleweng, menyimpang malah menyalahgunakan semangat

Maal Hijrah ini. Ramai antara mereka, sejak pulang kerja pada petang Isnin

lagi sudah lesap dan berhimpun beramai-ramai di beberapa buah kolam memancing komersial yang mengadakan pertandingan memancing sempena cuti umum berkenaan.

Kebanyakannya hanya pulang ke rumah pada malam Selasa, dalam keadaan serabut dan kusut-masai selain bau badan yang cukup meloyakan selepas sehari suntuk mengadu nasib di kolam. Seperti biasa, 99 peratus daripada mereka pulang dengan tangan kosong, dompet kosong, perut kosong dan kepala

yang juga kosong. Ini tentunya amat dikesalkan dan sungguh memalukan.

Bagaimanapun, Sally tahu semua suku-sakat kaki pancing di seluruh negara

masih belum kebah daripada rasa bangga dan seronok yang tidak terhingga apabila Perdana Menteri kita berkata pada 1 Mac lalu di Langkawi, bahawa kegiatan memancing boleh dijadikan wadah untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Dalam kata lain, menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memancing boleh membantu meningkatkan ekonomi negara.

Keyakinan Perdana Menteri itu adalah berdasarkan sambutan menggalakkan peserta yang menyertai pertandingan memancing di seluruh negara sejak akhir-akhir ini. Yang terbaru tentunya pertandingan Pra-GP Joran di Melaka

pada pada 9 Mac lalu, apabila lebih 2,500 peserta dari seluruh negara dan

beberapa peserta luar negara telah sanggup bersesak-sesak di Pantai Puteri

mengambil bahagian.

Bagaimanapun, apa yang lebih menarik perhatian Sally ialah apabila Dr Mahathir berkata pada sidang akhbar di Langkawi awal bulan ini bahawa beliau tidak mempunyai kesabaran dalam memancing. Katanya: "Saya mengaku tidak ada kesabaran. Duduk situ, (sambil) pegang (joran), saya tidak ada

kesabaran itu." Kata-kata Perdana Menteri ini amat besar ertinya dan begitu mendalam maksudnya kepada Sally.

Sally tidak tahu tafsiran orang lain. Tetapi bagi Sally, ini adalah kenyataan ikhlas yang secara tidak langsung mengesahkan bahawa memancing adalah kerja yang sebenar-benarnya amatlah tidak berfaedah. Sally adalah antara pengagum Perdana Menteri. Bagi Sally, Dr Mahathir adalah tokoh yang

sangat kuat bekerja. Beliau amat menghargai ilmu dan masa. Bagi beliau, masa lebih mahal daripada emas. Justeru, beliau menjadi sangat bijaksana dan berdisiplin tinggi. Kerana itu, tidak hairanlah beliau secara terus terang berkata tidak mempunyai kesabaran untuk memancing.

Benar sekali. Memancing memerlukan begitu banyak masa. Biasanya, kaki pancing secara purata mengambil masa (atau membuang masa) minimum tiga jam

hingga lapan jam setiap kali memancing di kolam komersial. Masanya tentu lebih panjang lagi jika memancing di sungai, apatah lagi di laut. Itu belum lagi mengambil kira masa untuk mencari umpan dan perjalanan ke lokasi memancing yang tentunya menyebabkan lebih banyak lagi masa diperlukan. Justeru, dalam hal ini kesabaran dan semangat jitu kaki pancing memang Sally kagumi.

Bagaimanapun, dengan masa sebanyak itu yang perlu dihabiskan untuk aktiviti memancing, cuba pula bayangkan berapa banyakkah buku atau kitab yang boleh dibaca dan mampu memberi ilmu serta pengetahuan kepada kita? Kalau kita melakukan kerja-kerja amal dan ibadat pula, untuk masa yang sepanjang itu, berapa banyak pula kebaikan dan pahala yang bakal kita peroleh? Sally tak tahu. Tetapi Sally amat pasti ia jauh lebih berfaedah dan lebih berkat daripada memancing yang biasanya tidak menjanjikan apa-apa pulangan pun, selain pulang dalam keletihan dan bau hamis daripada sisa-sisa umpan yang terpalit di tangan dan pakaian kaki pancing.